

Mekanisme kurangkan kadar tol belum diputus

Putrajaya: Kerajaan belum memutuskan sebarang mekanisme bagi mengurangkan kadar tol, walaupun ada menerima cadangan pihak swasta bagi tujuan berkenaan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pada masa ini, kita belum dapat tentukan apa yang kita harus lakukan berkenaan tol. Memang ada cadangan pihak swasta untuk mengurangkan tol, tetapi tidak sampai 25 peratus (penurunan). Ini supaya mereka dapat ambil alih, namun ini belum diputuskan ke-

rajaan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2019 yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, di sini semalam.

Mengulas kenyataan bekas Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin bahawa kajian dilakukan menunjukkan kerajaan boleh menurunkan kadar tol sehingga 25 peratus, Dr Ma-



25 PERATUS

kadar tol boleh diturunkan berdasarkan kajian

hathir berkata, itu adalah pendapat Daim kerana kerajaan belum membuat kajian bagaimana ia boleh diturunkan sehingga 25 peratus.

Tanggungannya meningkat

"Saya tidak tahu banyak mana boleh kita kutip (kalau kadar tol turun 25 peratus). Kita sekarang menghadapi masalah, walaupun kita buat perjanjian untuk menghapuskan tol, tetapi apabila tol dihapus, tanggungan kerajaan akan meningkat amat tinggi.

"Umpamanya, jika nak hapuskan tol PLUS, kerajaan kena beli lebuh raya itu dengan harga RM30 bilion, sedangkan RM30 bilion itu lebih baik kita belanja bayar hutang untuk kurangkan sikit beban kita. Jadi, pada masa ini, kita belum dapat tentukan apa yang harus dilakukan berkenaan tol," katanya.

Perdana Menteri mengakui adalah benar rakyat akan lega sekiranya tol diturun atau dihapuskan, namun sebaliknya pula di pihak kerajaan kerana tol itu akan dibayar kerajaan.